

Kebanyakan sekolah catat peningkatan bilangan pelajar capai A semua subjek

Keputusan PT3 2015 lebih baik

Kosmo
15/12/15
mls 16

KUALA LUMPUR – Seramai 465,674 calon Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) mendapat keputusan semalam di seluruh negara yang menyaksikan kebanyakan sekolah merekodkan peningkatan bilangan pelajar mencapai A bagi semua subjek.

Selain itu, Gred Purata Sekolah (GPS) juga didapati lebih baik berbanding keputusan tahun pertama pelaksanaannya pada 2014.

Di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Aminuddin Baki di sini, seramai 25 daripada 184 calon PT3 berjaya mendapat keputusan A bagi semua subjek berbanding seorang pelajar memperoleh 10A pada tahun lalu.

Pengetuanya, Siti Sarimah Shaik Abdul Rahman berka-

ta, keputusan membanggakan itu telah menunjukkan peningkatan GPS iaitu 1.48 pada tahun ini berbanding 1.94 tahun lepas.

“Selepas keputusan yang agak mengecewakan pada tahun lalu, kami telah menjalankan pelbagai program bermula dari awal tahun untuk mengesan kelemahan pelajar dalam setiap mata pelajaran,” katanya ketika ditemui pemberita selepas pengumuman keputusan PT3 di sini semalam.

Di Johor Bahru, seramai 12 pelajar Maktab Sultan Abu Bakar mencatat keputusan cemerlang dalam PT3 apabila memperoleh A bagi semua subjek.

Menurut pengetuanya, Samsudin Mohd. Ariff, sekolah itu mempunyai 165

calon dan berdasarkan keputusan itu, GPS menunjukkan peningkatan 1.82 mata pada tahun ini berbanding 2.26 mata pada tahun lepas.

Di Shah Alam, Selangor, Pengetua SMK Seksyen 9, Abdul Hakim Samuri berkata, GPS pada tahun ini bertambah baik iaitu merekodkan 2.59 berbanding 2.81 pada 2014 manakala lima calon mendapat keputusan semua A berbanding dua calon pada tahun lepas.

Di Besut, Terengganu, seramai 46 daripada 62 calon PT3 Sekolah Menengah Imtiaz Besut memperoleh 11A dan sekali gus menobatkan sekolah itu antara sekolah terbaik di negeri itu tahun ini.



SITI SARIMAH (berdiri, empat dari kiri) bergambar bersama pelajar-pelajar yang mendapat 10A dalam PT3 di SMK Aminuddin Baki, Maluri, Kuala Lumpur semalam.

RINGKAS

Ulang kaji pelajaran dua jam setiap hari

KANGAR – Konsisten mengulang kaji pelajaran selama dua jam setiap hari menjadi petua kejayaan Nur Aina Nor Ahmadi, 15, yang mendapat keputusan cemerlang 10A dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) 2015 semalam.

Nur Aina yang merupakan seorang pelajar Sekolah Menengah



NUR AINA

Kechor di sini.

Kebangsaan (SMK) Derma di sini memberitahu, dia telah mempraktikkan cara itu sejak bersekolah rendah lagi.

“Kaedah ini dapat meningkatkan daya ingatan dan mempraktikkan apa yang telah dipelajari di sekolah,” katanya yang berasal dari Kampung

Pasangan kembar solat tahajud setiap malam

KOTA BHARU – Pasangan kembar seiras yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Liibanat di sini mendapat keputusan cemerlang 10A dan 11A dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) semalam.

Nurin Athirah Amani Che Khalid Khusaini memperoleh 10A dan 1B manakala pasangannya, Nurin Afiqah Amani, 15, mendapat 11A.

Mereka memberitahu, keputusan cemerlang itu atas usaha dan kesungguhan mereka di samping



NURIN AFIQAH (kiri) dan Nurin Athirah

mengamalkan solat sunat tahajud hampir setiap malam.

Anak pembantu rendah am cemerlang

MARAN – Anak seorang pembantu am rendah hal ehwal Islam antara pelajar cemerlang Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang memperoleh keputusan A dalam semua subjek di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Jengka di sini semalam.

Nur Fatin Ainaa Jaffri, 15, yang merupakan anak seorang pembantu am rendah hal ehwal Islam



NUR Fatin bersama ibunya.

di Kolej Islam Pahang pula bersyukur apabila berjaya mendapat 11A.

Pengetua SMK Seri Jengka, Yahya Awang berkata, seramai sembilan orang pelajar sekolah itu memperoleh keputusan cemerlang pada tahun ini iaitu dua pelajar memperoleh 11A manakala tujuh lagi

mendapat 10A daripada 123 calon PT3 di sekolah berkenaan.